



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER KHAS
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : PENGANTAR PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS : UQI 10402
KOD PROGRAM : DAA/ DAE/ DAK/ DAM/ DAT/ DAU
TARIKH PEPERIKSAAN: OGOS 2019
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN
DALAM BORANG OMR YANG
DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS
SOALAN INI KELUAR DARI
DEWAN PEPERIKSAAN.

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH SATU (21)** MUKA SURAT

S1 Apakah keistimewaan Agama Islam berbanding agama lain?

- A Mempermudahkan amalan penganutnya
- B Berasaskan wahyu Ilahi dan fitrah manusia
- C Agama yang terhad kepada kawasan tertentu
- D Agama yang mementingkan peruntukan ganjaran

S2 Bagaimanakah menjadikan Islam sebagai suatu cara hidup?

- A Menjadikan Islam sebagai agama dalam ibadah semata-mata
- B Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam semua urusan kehidupan
- C Mengamalkan Islam dengan memilih prinsip yang bersesuaian dengan budaya dan perkembangan semasa
- D Melaksanakan suruhan Allah S.W.T. manakala larangan dalam Islam tertakluk kepada undang-undang sesebuah negara

S3 Manakah antara berikut bukan ciri kesempurnaan Islam?

- A Terhad
- B Universal
- C Sempurna
- D Rahmatan lil alamin

S4 Apakah pengertian Islam dari segi istilah?

- A Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan mentauhidkanNya dengan penuh keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh
- B Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan penuh kepatuhan yang lahir dalam diri sendiri dan beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
- C Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan penuh keikhlasan yang lahir dalam diri sendiri dengan beriman sebahagian daripada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
- D Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan mentauhidkanNya, taat dan patuh dengan penuh keikhlasan serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa Nabi Muhammad S.A.W.

S5 Manakah berikut bukan asas-asas dalam Islam?

- A Fiqh
- B Akhlak
- C Akidah
- D Syariah

TERBUKA

S6 Manakah antara berikut menunjukkan susunan rukun Islam yang betul?

- I Puasa di bulan Ramadhan
- II Solat lima waktu sehari semalam
- III Mengucap dua kalimah Shahadah
- IV Membayar Zakat dan Menunaikan Haji bagi yang berkemampuan

- A I, II, IV dan III
- B I, III, II dan IV
- C II, IV, I dan III
- D III, II, I dan IV

S7 Pilih antara berikut menunjukkan Islam bersifat universal.

- I Tidak terhad kepada manusia dan jin
- II Tidak terhad kepada bangsa dan geografi
- III Tidak terhad kepada kedudukan dan iklim
- IV Tidak terhad kepada warna kulit dan keturunan

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S8 Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri kesyumulan Islam?

- I Bersifat universal
- II Ciptaan Allah S.W.T.
- III Berasaskan wahyu dan budaya setempat
- IV Mempermudahkan dan tidak membebankan

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S9 Apakah maksud Ihsan dari sudut bahasa?

- A Berkasih sayang sesama makhluk
- B Meletakkan sesuatu pada tempatnya
- C Merasa kasihan kepada makhluk yang dizalimi
- D Menyembah Allah S.W.T. seolah-olah melihatNya

TERBUKA

- S10** Manakah daripada pernyataan berikut berkaitan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- I Golongan yang berpegang teguh dengan kitab Allah S.W.T. dan Sunnah Rasulullah S.A.W.
 - II Mereka sangat fanatik dan taksub kepada imam-imam mereka sehingga ke tahap memaksumkan mereka
 - III Berpegang teguh dengan apa yang diikuti oleh sahabat Nabi S.A.W., tabiin dan pengikut mereka sehingga ke hari ini
 - IV Mereka sangat beriltizam dengan al-Quran dan al-Sunnah sebagaimana yang amalkan dan difahami oleh para al-Salaf al-Soleh
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S11** Mengapakah gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak digunakan pada zaman Rasulullah S.A.W. dan sahabat?
- A Sahabat tidak mengenali gelaran tersebut
 - B Tidak pernah disuruh oleh Rasulullah S.A.W.
 - C Dilarang oleh beberapa orang sahabat Nabi S.A.W.
 - D Gelaran sahabat lebih tinggi dan mulia kedudukannya
- S12** Siapakah dua tokoh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sangat terkenal?
- A Abu Hasan al-Asy'ari dan Ibn Taimiyyah
 - B Abu Hasan al-Asy'ari dan Wasil bin Ata'
 - C Abu Mansur al-Maturidi dan Ibn al-Jawzi
 - D Abu Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi
- S13** Manakah antara sahabat dan tabiin yang pernah membincangkan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- I Abu Ayub
 - II Ibn Mas'ud
 - III Ibn 'Uyainah
 - IV Sufyan al-Thauri
- A I dan II sahaja
 - B I dan IV sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D II dan IV sahaja

TERBUKA

S14 Siapakah yang telah menentang fahaman muktazilah yang mengatakan al-Quran itu sebagai makhluk?

- A Wasil bin Ata'
- B Ahmad Ibn Hanbal
- C Abu Hasan al-Asy'ari
- D Abu Mansur al-Maturidi

S15 Manakah pernyataan yang benar berkaitan dengan khalaf?

- I Aliran ini lebih terbuka berbanding aliran al-Salafiyyah dalam menangani beberapa masalah akidah
 - II Ia lahir terkemudian daripada aliran al-Salaf dan golongan yang mengikuti aliran ini dikenali dengan gelaran al-Khalafiyyah
 - III Ia bermaksud di belakang, iaitu aliran yang kedua selepas al-Salaf dalam Mazhab akidah Ahli al-Sunnah wal Jamaah
 - IV Mereka menggunakan logik akal sebagai metod sokongan dalam penghujahan apabila berlaku perbincangan dan perdebatan dalam persoalan akidah
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV sahaja

S16 Apakah persamaan antara golongan Salaf dan Khalaf?

- A Sentiasa wujud sepanjang zaman
- B Diasaskan oleh pengasas yang sama
- C Keduanya menjadikan akal sebagai panduan utama
- D Menjadikan al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai panduan utama

S17 Siapakah khalifah yang menerima penolakan fahaman Muktazilah?

- A Khalifah Makmun
- B Khalifah Muktasim
- C khalifah al-Mutawakkil
- D khalifah al-Wathiq Billah

TERBUKA

S18 Manakah berikut mazhab yang tidak mencampur adukkan antara akidah dengan falsafah Yunani serta mendahului akal dari al-Quran dan al-Hadith?

- A Syiah
- B Khawarij
- C Muktazilah
- D Ahli Sunnah Wal Jamaah

S19 Mengapakah istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah sangat penting untuk diguna pakai dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia?

- A Untuk menyatukan kelompok umat Islam dari golongan yang suka melakukan amalan jahiliah
- B Membezakan kelompok umat Islam dari kelompok bukan Islam yang menyembah kubur
- C Membezakan golongan umat Islam dari golongan lain yang dipengaruhi oleh fahaman falsafah Yunani
- D Membezakan kelompok umat Islam dengan beberapa mazhab akidah lain yang bercanggah dengan akidah Islam sebenar

S20 Apakah nama lain bagi golongan yang berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- I al-Salafiah
 - II al-Wahabiah
 - III al-‘Asya’irah
 - IV al-Maturidiah
-
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D III dan IV sahaja

S21 Manakah sumber-sumber rujukan Islam yang tidak disepakati Ulama?

- I Ijmak dan Qias
 - II Maslahah dan Istihsan
 - III Al-Quran dan al-Hadith
 - IV Istishab dan Sadd al-Zara’ie
-
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D II dan IV sahaja

TERBUKA

S22 Manakah berikut bukan asas hukum yang terkandung dalam al-Quran?

- A Tidak menyulitkan
- B Sesuai sepanjang zaman
- C Sangat berat dan membebankan
- D Beransur-ansur dalam penetapan hukum

S23 Manakah definisi yang paling tepat bagi al-Quran?

- A Wahyu Allah S.W.T. yang diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W. melalui perantaraan malaikat
- B Kalam Allah S.W.T. yang diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W. melalui perantaraan malaikat yang sampai ke zaman ini secara mutawatir
- C Bacaan atau himpunan huruf dan kalimah daripada Allah S.W.T. yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. dalam bahasa arab dan membacanya adalah ibadah
- D Kalam Allah S.W.T. yang diturunkan kepada nabi Muhammd S.A.W. melalui perantaraan malaikat Jibril dalam bahasa arab, diriwayatkan secara mutawatir dan membacanya adalah ibadah

S24 Manakah antara berikut sifat al-Quran?

- I Al-Nur
 - II Al-Zikr
 - III Al-Huda
 - IV Al-Mubiin
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV sahaja

S25 Manakah berikut merupakan definisi yang tepat kepada al-Hadith?

- A Semua perkara yang berkaitan dengan perbuatan Nabi Muhammad S.A.W.
- B Perkara-perkara yang berkaitan dengan kata-kata dan perbuatan Nabi Muhammad S.A.W.
- C Semua perkara yang berkaitan dengan kata-kata Nabi S.A.W. dan baginda tidak pernah menafikannya
- D Perkara-perkara yang berkaitan dengan kata-kata, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad S.A.W.

S26 Pilih gandingan yang salah antara tokoh ulama periwayat hadith dengan kitab tulisannya.

- A Imam Nasa'i – Sunan Nasa'i
- B Imam Ahmad – Sahih Ahmad
- C Imam Muslim – Sahih Muslim
- D Imam Bukhari – Sahih al-Bukhari

TERBUKA

Soalan 27 adalah berdasarkan kepada keistimewaan al-Quran dalam **Pernyataan 1**.
Pilih jawapan yang betul

Pernyataan 1

Maksud ayat al-Quran: "*Dan kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab al-Quran dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah ada dihadapannya dan untuk memelihara serta mengawasinya*".
(al-Mai'dah: 48)

S27 Pilih keistimewaan al-Quran yang merujuk kepada **pernyataan 1** di atas.

- A Merupakan kitab yang benar
- B Diturunkan dalam Bahasa Arab
- C Merupakan peringatan dan petunjuk bagi seluruh alam
- D Sebagai pembimbing kepada kehidupan yang bercahaya

S28 Pilih jenis-jenis Qiyas.

- I Qias Jaliy
 - II Qias Adna
 - III Qiyas Aula
 - IV Qias Musawi
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III, dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV sahaja

S29 Apakah syarat untuk melayakkan seorang ulama itu digelar Mujtahid?

- A Menguasai ilmu bahasa Arab dan ilmu-ilmu akademik yang lain
- B Mempunyai ilmu yang luas dan pakar di dalam bidang al-Hadith sahaja
- C Mempunyai pengalaman dan kepakaran yang mendalam dalam bidang al-Quran dan terjemahannya
- D Mempunyai ilmu yang luas dalam bidang al-Quran, al-Sunnah, Usul al-Fiqh, bahasa Arab dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan ijmak

TERBUKA

S30 Apakah maksud hadith dhaif?

- A Hadith palsu yang merupakan buatan orang semata-mata
- B Hadith yang memiliki kelemahan baik pada matan atau sanad
- C Hadith yang memiliki matan dan sanad yang dipercayai, berkualiti dan kuat
- D Hadith yang dirawikan oleh banyak perawi yang berkualiti sehingga tidak mungkin termasuk dalam kategori hadith palsu

S31 Apakah pengertian *Masalih al-Mursalah* (masalah)?

- A Mengenenpikan sesuatu hukum yang mempunyai dalil atas suatu perkara dengan mengambil hukum lain yang lebih kukuh
- B Memutuskan sesuatu berasaskan prinsip kebaikan umum khususnya dalam perkara yang tidak terdapat dalam nas al-Quran dan al-Hadith
- C Kebiasaan yang diamalkan oleh sebahagian besar umat Islam dan diterima pakai sebagai asas hukum selagimana tidak bercanggah dengan syarak
- D Membandingkan perkara yang tidak dinyatakan hukumnya dalam al-Quran dan al-Hadith dengan perkara yang dinyatakan hukumnya dalam al-Quran dan al-Hadith

S32 Pilih antara berikut pembahagian Maqasid Syariah.

- I Memelihara perkara hajiyat
 - II Memelihara perkara tahsiniyat
 - III Memelihara perkara ghaibiyat
 - IV Memelihara perkara dharuriyyat
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S33 Manakah berikut merupakan contoh Maqasid Syariah dalam perkara memelihara perkara hajiyat?

- A Diharuskan rukhsah solat, puasa dan haji bagi orang yang sakit
- B Diharuskan memakan sesuatu yang terbaik di antara yang baik-baik
- C Mewajibkan pelaksanaan semua rukun Islam kepada setiap orang Islam yang mukallaf
- D Kewajipan menuntut ilmu kepada setiap orang Islam sama ada lelaki atau perempuan

TERBUKA

S34 Apakah maksud Syar'u Man Qablana?

- A Pengekalan hukum terdahulu selagi belum terdapat dalil yang mengubah hukum tersebut
- B Syariat yang dibawa oleh para rasul sebelum Nabi Muhammad S.A.W. yang menjadi petunjuk bagi kaumnya
- C Pendirian seorang sahabat mengenai sesuatu masalah hukum ijthid yang berkaitan penegasan dalam al-Quran
- D Kebiasaan yang diamalkan oleh sebahagian besar umat Islam dalam sesuatu masyarakat samada dalam bentuk perbuatan, percakapan dan diterima sebagai asas hukum selagi tidak bertentangan dengan syara

S35 Apakah makna Ihsan dari sudut Istilah?

- A Melaksanakan sesuatu secara rela dan mengharapkan ganjaran dunia dan akhirat
- B Melakukan sesuatu secara ikhlas semata-mata tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran
- C Melakukan sesuatu secara ikhlas, bersungguh-sungguh, istiqamah dan cemerlang
- D Melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan cemerlang sambil mengharapkan ganjaran akhirat

S36 Manakah berikut merupakan falsafah Ihsan?

- I Mendidik jiwa untuk melahirkan budaya kerja secara berterusan
 - II Melatih diri supaya bersungguh-sungguh dalam setiap amalan yang dikerjakan
 - III Bermatlamat untuk mencapai kesempurnaan dan kecemerlangan di dunia dan akhirat
 - IV Melatih diri untuk melahirkan budaya kerja yang hanya boleh mencapai matlamat dunia sahaja
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S37 Manakah berikut merupakan Ihsan terhadap diri sendiri?

- A Menjaga harta dengan baik
- B Melakukan ibadah khusus dengan ikhlas, itqan, istiqamah, khusyuk dan yang terbaik
- C Menyempurnakan hak diri dengan perkara kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat
- D Melakukan pekerjaan dengan ikhlas, bersungguh-sungguh, jujur, amanah, tekun, sabar dan berkualiti

Soalan 38 hingga 40 adalah berdasarkan kepada konsep Ihsan dalam **Jadual 1** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 1

| | |
|---|-----------------------------|
| A | Ihsan dalam ibadat |
| B | Ihsan terhadap haiwan |
| C | Ihsan terhadap keluarga |
| D | Ihsan terhadap alam sekitar |

- S38** Imam Kamal telah menajamkan pisau sembelihannya sebelum menyembelih seekor kambing sempena majlis akikah anaknya.
- S39** Encik Syu'ib selaku ketua kampung telah menganjurkan program gotong royong untuk membersihkan kawasan tanah perkuburan di kampungnya.
- S40** Encik Mustaqim seorang mahasiswa yang soleh. Beliau sangat istiqamah menjaga waktu solat dan menunaikannya secara berjamaah di surau dengan bersungguh-sungguh dan khusyuk.

Soalan 41 adalah berdasarkan kepada konsep akhlak dalam **pernyataan 2**. Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 2

“Akhlak ialah suatu keadaan yang tertanam di dalam jiwa yang menampilkan perbuatan atau tingkah laku secara mudah tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian.”

- S41** Siapakah yang mendefinisikan akhlak dalam **Pernyataan 2 di atas**?

- A Ibnu Sina
 B Ibnu Khaldun
 C Ibnu Miskaweih
 D Imam al-Ghazali

TERBUKA

- S42** Siapakah antara tokoh terawal yang menjadi pelopor kepada ilmu-ilmu al-Quran dalam kalangan tabi'in?

- A Qatadah
 B Ibnu Abbas
 C Malik bin Anas
 D Ubay bin Ka'ab

S43 Pilih nama lain bagi al-Quran.

- I *al-Kitab*
- II *al-Bashir*
- III *al-Rahmah*
- IV *al-Mubarak*

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S44 Mengapakah Sayyidina Umar R.A. mencadangkan kepada khalifah Sayyidina Abu Bakar R.A. supaya mengumpulkan al-Quran dalam satu mashaf?

- A Mendapat arahan langsung daripada Nabi Muhammad S.A.W.
- B Memastikan bahawa al-Quran ditulis secara tersusun dan teratur untuk kegunaan umat Islam
- C Desakan oleh sahabat-sahabat lain supaya al-Quran boleh disebarikan ke setiap pelusuk dunia
- D Bimbang akan berlaku kehilangan lebih ramai penghafaz al-Quran dalam kalangan para sahabat akibat mati syahid dalam peperangan

S45 Manakah berikut adalah gelaran bagi menggambarkan tahap penguasaan para ulama dalam ilmu hadith?

- I al-Hafiz
- II al-Muamalah
- III al-Mukatabah
- IV al-Muhaddith

- A I dan II sahaja
- B I dan IV sahaja
- C II dan III sahaja
- D II dan IV sahaja

TERBUKA

Soalan 46 hingga 47 adalah berdasarkan kepada pengajian Ulum al-Quran dalam **Jadual 2** di bawah.

Pilih jawapan yang betul.

Jadual 2

| | |
|---|-----------------|
| A | I'rab al-Quran |
| B | Hujaj al-Quran |
| C | Gharib al-Quran |
| D | Aqsam al-Quran |

S46 Apakah ilmu yang membincangkan tentang hujah-hujah dan dalil-dalil yang digunakan dalam ayat-ayat al-Quran?

S47 Apakah ilmu yang membahaskan tentang sumpah dalam al-Quran?

S48 Siapakan penulis kitab hadis al-Muwatta`?

- A Imam Muslim
- B Imam Abu Daud
- C Imam al-Bukhari
- D Imam Malik bin Anas

S49 Manakah berikut tahap al-munawalah dalam bentuk-bentuk penerimaan Hadith?

- I Penyerahan kitab hadith oleh guru sambil menyatakan pemberian ijazah kepada muridnya
- II Penyerahan kitab hadith oleh guru kepada muridnya tanpa ungkapan pemberian ijazah
- III Murid menunjukkan kitab yang dihasilkan secara sama' kepada gurunya, sebelum gurunya meneliti dan memintanya meriwayatkan kandungan kitab ini
- IV Murid membaca kitab hadis kemudian menulis dan membuat ulasan sebelum meminta pihak lain mengesahkannya untuk beliau meriwayatkan hadith tersebut

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

- S50** Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil?
- A Ilmu yang bertujuan untuk mengenal sama ada seseorang itu benar-benar perawi hadith atau tidak
 - B Ilmu yang membicarakan tentang hadith-hadith yang kelihatan bercanggah antara satu sama lain
 - C Ilmu yang membincangkan tentang sebab-sebab yang tersembunyi dan rumit yang boleh mencacatkan kesahihan hadith
 - D Ilmu yang membicarakan tentang hal ehwal perawi iaitu keadaan yang khusus yang boleh mengharumkan atau memburukkan nama mereka
- S51** Apakah gelaran ulama yang menggambarkan tahap penguasaan tertinggi dalam ilmu hadith?
- A Al-Hafiz
 - B Al-Musnid
 - C Al-Muhaddith
 - D Al-Mukatabah
- S52** Siapakah tokoh terawal dalam kalangan Khulafa' al-Rasyidin yang terlibat dalam memelopori Ulum al-Quran?
- I Ibnu Mas'ud
 - II Malik bin Anas
 - III Ali bin Abi Talib
 - IV Umar bin Khattab
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja
- S53** Mengapakah generasi terawal umat Islam tidak memerlukan ilmu khusus bagi memahami ayat-ayat al-Quran?
- I Rasulullah s.a.w. dijadikan sebagai rujukan utama
 - II Rasulullah s.a.w. tidak memberi peluang kepada sahabatnya untuk berijtihad
 - III umat islam belum terdedah kepada situasi dan keadaan yang memerlukan ilmu khas dalam menyelesaikan permasalahan umat
 - IV generasi awal umat Islam sangat faham dengan al-Qur'an sehingga tidak memerlukan ilmu-ilmu sokongan untuk memahami kehendak wahyu
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D Semua di atas

TERBUKA

S54 Apakah pengertian hudud dari sudut bahasa?

- A Pencegahan
- B Pertolongan
- C Pemotongan
- D Pemuliharaan

S55 Manakah berikut komponen utama Undang-undang Jenayah Islam?

- I Qisas
 - II Takzir
 - III Hudud
 - IV Mursalah
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S56 Manakah antara berikut bukan merupakan cara pensabitan qazaf?

- A Sumpah
- B Pengakuan tertuduh
- C Qarinah atau ada bukti
- D Keterangan dua orang saksi

S57 Manakah antara berikut jenis-jenis hukuman takzir?

- I Denda
 - II Ancaman
 - III Pemulangan
 - IV Buang daerah
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

- S58** Apakah syarat yang membolehkan peminum arak tidak dikenakan hukum hudud?
- A Tahu haram
 - B Tidak darurat
 - C Bukan dipaksa
 - D Tiada kesamaran
- S59** Apakah perkara yang diperlukan oleh setiap manusia untuk memenuhi tuntutan agama dan kehidupan dunia?
- A Hajjiyyat
 - B Tahsiniyyat
 - C Dharuriyyat
 - D Maqasid Syariah
- S60** Apakah hukuman bagi kesalahan merompak yang mengganggu ketenteraman awam?
- A Salib
 - B Balas bunuh
 - C Buang daerah
 - D Potong tangan secara bersilang
- S61** Mengapakah pelaksanaan hukuman hudud dalam undang-undang Jenayah Islam perlu dilaksanakan di khalayak ramai?
- A Sebagai cemuhan kepada penjenayah
 - B Bertujuan untuk memalukan penjenayah
 - C Sebagai pengajaran kepada penjenayah dan masyarakat
 - D Bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan hukuman ke atas penjenayah
- S62** Apakah hukum berubat menggunakan arak mengikut mazhab Syafie?
- A Sunat
 - B Harus
 - C Haram
 - D Makruh

TERBUKA

S63 Apakah hukuman bagi kesalahan zina yang muhsan?

- A Bunuh
- B Buang daerah
- C Sebat seratus kali
- D Rejam sampai mati

Soalan 64 hingga 67 adalah berdasarkan kepada prinsip muamalat Islam dalam **Jadual 3**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 3

| | |
|---|---------------|
| A | Ijarah |
| B | Al-Qard |
| C | Al-Wadi'ah |
| D | Al-Mudharabah |

- S64** Puan Mujahidah telah mengamanahkan sejumlah wang kepada adiknya untuk disimpan dalam akaun Tabung Hajinya selama beliau berada di Mekah menunaikan fardhu Haji.
- S65** Encik Munawwir dan Encik Azizan telah bersetuju membuat akad perkongsian bersama bagi mengusahakan sebuah ladang tanaman durian musang king dengan keuntungan dan kerugian akan ditanggung bersama oleh mereka berdua.
- S66** Encik Abdullah telah menyewa sebuah kapal terbang untuk membawa jemaah umrah menunaikan ibadah Umrah ke tanah suci di bawah kendalian syarikat Travelnya.
- S67** Syarikat Aisyamsyar telah memberi pinjaman RM100,000 tanpa faedah kepada syarikat rakannya untuk memastikan ia boleh bersaing dengan syarikat-syarikat yang lain.

TERBUKA

S68 Manakah pernyataan yang benar mengenai muamalat Islam?

- I Semua harta benda yang terdapat di dunia ini mempunyai pemiliknya
 - II Manusia bebas berurusan sesama mereka dalam aspek ekonomi selagi mana menjamin keuntungan kepada mereka
 - III Merupakan tatacara dalam perhubungan manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing berlandaskan syariat Islam dalam aspek ekonomi dan sosial
 - IV Manusia telah dibekalkan dengan garis panduan khusus berlandaskan syariat Islam ketika mereka berinteraksi sesama mereka dalam aspek sosial dan ekonomi
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D III dan IV sahaja

Soalan 69 adalah berdasarkan maksud firman Allah S.W.T. dalam **Pernyataan 3** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 3

Maksud firman Allah S.W.T.: “Oleh itu kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu, akan ada peperangan dari Allah S.W.T. dan RasulNYA” (al-Baqarah: 279)

S69 Manakah antara berikut pengajaran yang diperolehi daripada **Pernyataan 3**?

- A Pemberian bayaran faedah oleh pusat-pusat perbankan kepada pendeposit adalah amalan yang sangat baik
- B Allah S.W.T. mewajibkan kepada umat Islam supaya memberi bayaran faedah kepada orang yang memberi pinjaman kepada kita
- C Allah S.W.T. sangat menggalakkan amalan memberi bayaran faedah kepada penyimpan di bank-bank dengan niat untuk menolong
- D Allah S.W.T. berjanji akan memerangi golongan yang memberi bayaran faedah kepada pendeposit kerana ia mempunyai unsur-unsur riba

TERBUKA

S70 Manakah antara berikut hikmah pensyariatan *al-Qard*?

- I Dapat mengurangkan beban mereka yang mengalami kesusahan dengan segera
 - II Amalan saling bantu-membantu boleh menguatkan ikatan ukhuwah sesama mereka
 - III Allah S.W.T. sangat menggalakkan sifat tolong-menolong dalam melakukan kebaikan
 - IV Dapat menghapuskan kezaliman akibat daripada amalan riba yang terdapat di dalam pinjaman sistem konvensional
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S71 Pilih antara berikut hikmah Mudharabah di syariatkan dalam Islam.

- I Memudahkan pengusaha menjalankan sesuatu perniagaan melalui perkongsian modal
 - II Menyuburkan sifat saling tolong menolong antara kedua pihak iaitu pemodal dan pengusaha
 - III Memudahkan pengusaha mengumpulkan modal mudharabah untuk menjana keuntungan yang maksimum semata-mata
 - IV Untuk memberi keringanan dan kemudahan kepada pemilik modal dan pengusaha dalam melakukan aktiviti ekonomi
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S72 Mengapakah Takaful diharuskan dalam Islam?

- A Bertujuan untuk mengaut keuntungan
- B Tiada unsur gharar, riba dan perjudian
- C Merupakan salah satu bentuk perniagaan yang digalakkan oleh syarak
- D Memberi peluang kepada semua orang untuk mendapatkan keuntungan melalui takaful

S73 Berapakah hukum perkahwinan dalam Islam?

- A Tiga
- B Dua
- C Lima
- D Empat

TERBUKA

S74 Pilih isu dalam sistem kekeluargaan Islam.

- I Iddah
 - II Khitan
 - III Khuluk
 - IV Nusyuz
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S75 Manakah berikut tanggungjawab bersama suami isteri.

- I Memelihara keharmonian rumahtangga, saling hormat menghormati satu sama lain
 - II Mendidik anak-anak menjadi insan yang soleh, beriman dan berbakti
 - III Suami mencari nafkah untuk isteri, manakala isteri pula taat kepada suami dan menjaga harta benda suami
 - IV Suami dan isteri sama-sama mencari nafkah untuk membiayai keperluan keluarga, kerana mereka berdua bertanggungjawab ke atas keluarga
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S76 Apakah maksud *dharar* dalam perkahwinan?

- A Berlaku kecederaan terhadap isteri
- B Berlaku pergaduhan antara suami dan isteri
- C Berlaku kemudharatan terhadap isteri yang melibatkan perkara dharuriyat
- D Berlaku kemudharatan terhadap isteri yang melibatkan perkara tahsiniyyat

S77 Nyatakan langkah-langkah yang sesuai bagi mendidik isteri yang nusyuz.

- I Memulaukan tempat tidur
 - II Memberi nasihat dan teguran
 - III Menjatuhkan talak ke atas isteri
 - IV Memukul dengan tidak memudaratkan
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

Soalan 78 merujuk kepada isu-isu kekeluargaan Islam dalam **pernyataan 4**.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 4

“Isteri membebaskan diri daripada ikatan perkahwinan dengan membayar ganti rugi atau memulangkan mahar dan segala yang diterima daripada suaminya dengan kadar yang dipersetujui bersama.”

S78 Apakah isu perkahwinan yang sesuai dengan definisi yang diberikan dalam **Pernyataan 4**?

- A Li'an
- B Khuluk
- C Fasakh
- D Khitbah

S 79 Apakah syarat-syarat berpoligami dalam Islam?

- I Berkemampuan untuk berpoligami
- II Tidak melakukan kezaliman ke atas isteri
- III Melakukan keadilan dalam kalangan isteri
- IV Mampu menunaikan kewajipan dalam perkahwinan

- A I, II, dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S80 Manakah antara berikut kesan Zihar?

- I Menjatuhkan maruah suami
- II Suami wajib membayar kifarah
- III Mendapat kemurkaan Allah S.W.T.
- IV Haram persetubuhan antara suami dan isteri

- A I dan II sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

-SOALAN TAMAT-